

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"ADAPUN cara menyelamatkan dan menguatkan akidah itu ialah dengan amal soleh. Amal solehlah tuntutan tertinggi untuk dilakukan. Ia adalah semata-mata perkara suci di sisi Allah."

- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Hijrah 1439 pada 21 September 2017 Masihi bersamaan 1 Muharam 1439 Hijrah.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 20).

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.42

SUBUH

4.52

SYURUK

6.09

DUHA

6.31

ZUHUR

12.12

ASAR

3.22

MAGHRIB

6.14

ISYAK

7.23

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 116

27 SEPTEMBER 2017 / 6 محرم 1439

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Guru nadi kejayaan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Sebagai pendidik, guru memang dikehendaki sentiasa cemerlang untuk melahirkan anak-anak bangsa yang berjaya. Guru adalah nadi bagi kejayaan.

Berdasarkan dunia sentiasa berubah dan berkembang, maka tuntutan kapasiti sumber tenaga manusia adalah semakin mencabar. Ini, turut memberikan implikasi kepada definisi kecemerlangan seorang guru.

Menyedari hakikat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa gembira dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk menjadikan perkembangan kapasiti guru sebagai fokus utama dalam strategi pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas seterusnya bertitah menegaskan ia memang wajar untuk pembaikan dan peningkatan diri.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



Tadarus Al-Quran pesambah istimewa untuk raja dikasihi

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Tadarus Al-Quran sebagai sumbangan khas yang ikhlas buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan 50 Tahun pemerintahan baginda menaiki takhta yang akan kita raikan kurang dua minggu sahaja lagi.

Sehubungan itu, pelancaran majlis berkenan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong di sini.

Hadir menyemarakkan majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan-Timbalan

Menteri Kabinet, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap di kementerian kerajaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Abdul Qaiyum bin Haji Metussin dari Program Khidmat Bakti Negara.

Kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai secara murattal mulai awal Surah Al-Baqarah dari ayat 1 hingga 48.

Pembacaan tersebut melibatkan seramai 1,500 orang terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam, pasukan beruniform, badan-badan swasta dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institut Pengajian Tinggi dan Brunei Acid Company.

Setelah itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Ke muka 6

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Muka 4

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah



Muka 8

TIMBALAN Menteri HEU adakan lawatan ke Singapura



Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

8 Hari Lagi

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Amalan budaya membaca, membina kemajuan bangsa

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul bersama-sama di Majlis Pelancaran Buku Bacaan Inspirasiku dan Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Mufti Kerajaan.

Terlebih dahulu, saya sukacita merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis kerana mengundang saya selaku tetamu kehormat di majlis ini. Pada kesempatan ini, kaola / saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran di majlis ini. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Perkembangan Kurikulum atas inisiatif memperkenalkan Buku Bacaan Inspirasiku yang akan dilancarkan pada petang ini.

Walaupun kita berada di arus globalisasi, kepentingan membaca tetap menjadi perhatian utama. Sebab itu, wujud berbagai-bagai program, aktiviti dan kegiatan yang dirancang dalam menggalakkan pembacaan. Ini kerana ketamadunan dan kemajuan sesuatu bangsa itu hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya membaca bagi perolehan ilmu pengetahuan. Masyarakat yang banyak membaca dan berilmu pengetahuan wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Surah al-Alaq, ayat 1-5.

Usaha membudayakan amalan membaca dalam kalangan pelajar di negara ini bukanlah perkara baharu. Malahan usaha-usaha tersebut terus dipergiatkan lagi dari semasa ke semasa, dan kita semua sama-sama menggembleng tenaga mencari alternatif terbaik bagi memberi kesedaran dan menggalakkan masyarakat di negara ini membaca dan dijadikan sebagai amalan bagi membangun rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan mempunyai kehidupan yang berkualiti tinggi.

Kementerian Pendidikan tidak pernah jemu melaksanakan berbagai-bagai usaha dalam memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar di negara ini selaras dengan hala tuju negara. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan semata-mata untuk menggerakkan pelajar-pelajar di negara ini membudayakan amalan membaca demi mewujudkan masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan maklumat.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Bacaan Inspirasiku dan Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Mufti Kerajaan pada 8 Zulhijjah 1438 Hijrah / 30 Ogos 2017 Masihi di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Skop membaca pula patut mencakupi kesedaran dalam penggunaan strategi pembacaan dan tabiat membaca yang efektif. Kajian dari Programme for International Student Assessment (PISA) telah menunjukkan bahawa kedua-dua faktor ini mempunyai korelasi yang tinggi dengan kecekapan membaca para pelajar. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai strategi dan tabiat pembacaan yang efektif akan merasa keseronokan membaca berbanding dengan mereka yang tidak membaca. Kajian penilaian PISA 2018 nanti dapat mengukur strategi dan tabiat membaca para pelajar di negara ini dan hasil kajian itu akan meniadakan ukuran asas kecekapan membaca dalam kalangan pelajar yang berumur 15 tahun di Negara Brunei Darussalam. Ke arah itu, langkah-langkah yang berkesan perlu dilaksanakan antaranya :

i. Membiasakan pelajar-pelajar menjawab soalan-soalan PISA (*released items*) yang menuntut pelajar untuk meneroka, menakul (*reasoning*) dan memberikan penjelasan.

ii. Pelaziman guru mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti menukar teknik penyolaan yang lebih merangsang dan dapat mencungkil kemahiran berfikir ke arah lebih kreatif dan inovatif.

iii. Memfokuskan kemahiran

berinteraksi dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar.

iv. Menggubal dan mengemukakan soalan-soalan kemahiran berfikir aras tinggi (High Order Thinking) serta memberikan tugas yang bersesuaian.

Selaras dengan itu, pihak sekolah juga diseru untuk menggiatkan Program Bimbingan Literasi dan Numerasi bagi sekolah rendah dan menengah sebagai usaha bagi meningkatkan tahap literasi dan numerasi pelajar-pelajar di negara ini. Program ini bukan saja berhubung kait bagi meningkatkan tahap kecekapan bacaan tetapi juga sebagai penumbuh minat membaca para pelajar yang sewajarnya dilakukan sejak usia dini lagi.

Pada era teknologi masa ini, membaca berasaskan buku cetak bukan lagi cara utama dalam pencarian dan mendapatkan ilmu. Internet dan telefon bimbit menjadi trend yang popular digunakan sebagai media untuk mendapat ilmu bagi masyarakat kini terutama generasi muda berbanding buku cetak. Pelbagai maklumat boleh diperoleh dengan sekilip mata dengan hanya melayari internet. Namun secanggih mana pun teknologi dan dalam zaman mana pun kita berada, buku cetak tidak boleh dipinggirkan kerana ia tetap memainkan peranan penting sebagai wadah pengetahuan kepada manusia.

Melalui Program Buku Bacaan Inspirasiku yang baru diperkenalkan, ia adalah diharapkan dapat meningkatkan budaya membaca dalam kalangan pelajar dan boleh memberi pendedahan mengenai karya-karya bermutu yang dihasilkan oleh para tokoh ulama dan cendekiawan tempatan. Buku-buku yang disenaraikan dalam Kategori Buku Bacaan Inspirasiku itu mencangkupi pelbagai bidang yang dapat menyebarkan ilmu-ilmu kepada pelajar-pelajar. Cerita atau peristiwa dan maklumat yang dipaparkan dalam buku-buku tersebut merupakan hasil pemikiran tokoh-tokoh yang kita pasti dapat memberi impak yang besar terutama dalam menyemai nilai-nilai murni, memberi nasihat dan bimbingan khususnya dalam pembinaan peribadi mulia bagi menuju keredaan Allah. Misalnya buku yang berjudul 'Sayangi Ibu Bapa' hasil karya Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Begitu juga dengan penerbitan buku-buku sejarah Jabatan Perkembangan Kurikulum merupakan satu inisiatif yang sangat signifikan dalam membarigakan sejarah tempatan kepada pelajar-pelajar dan memberi kesedaran kepada mereka betapa pentingnya mengetahui dan menghayati sejarah tanah air.

Ke muka 7

Dari Sidang
Pengarang.

27 SEPTEMBER 2017 BERSAMAAN 1439 6 محرم

**GURU LAHIRKAN INSAN SYUMUL,
BERILMU, BERKEPERIBADIAN MULIA**

HARI ini bidang pendidikan mempunyai peranan yang lebih signifikan kerana generasi muda hidup di zaman yang sungguh mencabar.

Sambutan Hari Guru yang diadakan setiap tahun adalah salah satu manifestasi kepada penghargaan masyarakat terhadap khidmat dan sumbangan warga guru di seluruh negara yang tidak pernah jenuh menabur bakti mendidik anak bangsa di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Ini adalah apresiasi masyarakat terhadap guru dalam usaha membangunkan sebuah bangsa yang berilmu dan berwawasan yang unggul.

Justeru itu, sebagai mengenang jasa guru dalam menaiki tugas melahirkan insan syumul yang berilmu; berkeperibadian mulia; berhemah tinggi dan memiliki jati diri yang kental demi kepentingan agama, bangsa dan kedaulatan negara serta berupaya memenuhi tuntutan duniaawi dan ukhrawi maka pada kemuncak Sambutan Hari Guru diadakan penyampaian Anugerah-Anugerah Hari Guru yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Anugerah Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Anugerah Guru Berjasa, Anugerah Guru Cemerlang dan Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention). Penghormatan kepada para guru amat layak diterima atas kegigihan mereka mencurahkan segala ilmu, khidmat bakti dan tunjuk ajar demi mendidik anak watan menjadi insan cemerlang yang berpengetahuan dan berakhlak mulia.

Dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu, di bahu para gurulah terletaknya tanggungjawab yang besar untuk menyemai semangat patriotik dan rasa saling sayang-menyayangi antara anak-anak didiknya begitu juga dengan ibu bapa atau penjaga. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam kalangan rakyat yang menjadi tonggak utama kecemerlangan bangsa dan negara. Bangsa yang menguasai ilmu akan menjadi bangsa yang maju, justeru, peranan besar para guru ialah untuk melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran tinggi serta mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama secara berterusan sentiasa meningkatkan kecemerlangan guru yang mana status terkini hasil penilaian yang disukat melalui Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (NKPI) di bawah Strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035 menunjukkan peningkatan dalam pencapaian sasaran bagi tahun 2017 daripada garis asas dan insyaaAllah menjelang tahun 2035 nanti akan dapat mencapai sasaran 90% guru-guru yang berkelayakan dan berkualiti tinggi.

Ke arah ini, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan antaranya memperkemaskan lagi Rangka Kerja dan Garis Pandu Perkembangan Profesional Guru (Teacher's Professional Development Framework and Guidelines) agar lebih komprehensif bagi menyediakan pelbagai program professional yang teratur dan berkesan serta berdaya tahan; Program Literacy and Numeracy Coaching Program di sekolah-sekolah. Dalam perkara ini, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27 pada 26 September 2017 :

"Beta gembira mengetahui, bahawa seramai 29 orang guru setakat ini telah pun menamatkan program pembangunan kapasiti dan kini diiktiraf sebagai 'Local Coaches' dalam Literacy and Numeracy Coaching Program ini. Beta berharap jumlah ini akan meningkat lagi."

Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik di Negara Brunei Darussalam. Semoga segala sumbangan yang ikhlas dan usaha gigih guru-guru dalam memberikan pendidikan yang terbaik akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.
- Ketua Penyuntingan (Nh).

Ramalan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
25°C	32°C	31°C
25°C	25°C	25°C
25°C	32°C	31°C
25°C	25°C	25°C
25°C	32°C	31°C
25°C	25°C	25°C
25°C	32°C	31°C
25°C	25°C	25°C
25°C	32°C	31°C
25°C	25°C	25°C



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	RABU	6	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	KHAMIS	7	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
29	JUMAAT	8	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	SABTU	9	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1 OKTOBER	AHAD	10	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
2	ISNIN	11	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	SELASA	12	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-27.

Guru bertanggungjawab terhadap pembentukan akhlak pelajar

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan bahawa satu perkara yang lebih penting berbanding pencapaian akademik ialah nilai akhlak mulia bagi pelajar.

Ia, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei sepatutnya jangan diabaikan.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menegaskan para guru adalah bertanggungjawab langsung terhadap pembentukan akhlak pelajar.

"Peranan mereka bukan setakat memperkaya sumber ilmu, tetapi juga untuk menjadi ikutan atau tauladan kepada

anak didik. Iaitu guru," baginda bertitah pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Kerana itu, guru tidaklah boleh berlepas tangan mengenai akhlak. Kerana akhlak itu sendiri dalam titah baginda adalah pakaian guru.

Dalam konteks yang sama juga ialah ibu bapa. Mereka tegas baginda, tidak boleh berkecuali mengenai pendidikan, bahkan merekalah sekolah pertama dan utama sebelum lagi lain-lain sekolah. Pengaruh mereka cukup kuat untuk menentukan corak atau bentuk keperibadian anak-anak.

"Maka kerana itu, beta mengajak para

ibu bapa untuk sama-sama menyedari hakikat ini," titah baginda lagi.

Pada mengakhiri titah, baginda merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini dengan iringan doa baginda semoga segala usaha para guru dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan semoga penganugerahan itu akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru untuk meningkatkan lagi prestasi pendidikan ummah.

INTI SARI TITAH

- * Guru diseru cemerlang lahirkan anak bangsa.
- * Perkembangan kapasiti guru fokus utama strategi pendidikan.
- * Literacy and Numeracy Coaching Program inisiatif memperkukuh kapasiti guru.
- * Menyediakan pakej menarik sebagai insentif kepada guru 'Local Coaches'.
- * PISA menilai kompetensi pelajar negara dengan pelajar antarabangsa.
- * Guru bertanggungjawab membentuk nilai akhlak mulia pelajar.
- * Ibu bapa berperanan membentuk keperibadian anak-anak.



ANTARA persembahan yang disertai oleh para guru dan pelajar termasuk empat pelajar berkeperluan khas pada majlis tersebut.

Guru nadi kejayaan

Dari muka 1

Oleh itu, menyentuh usaha memperkukuhkan kapasiti guru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titahnya menyambut baik inisiatif Literacy and Numeracy Coaching Program yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Baginda bertitah program tersebut bertujuan untuk melahirkan lebih ramai guru-guru tempatan yang cemerlang yang diprakui sebagai Local Coaches.

"Beta gembira mengetahui, bahawa seramai 29 orang guru setakat ini telah pun menamatkan program pembangunan kapasiti dan kini diiktiraf sebagai Local Coaches dalam Literacy and Numeracy Coaching Program ini. Beta berharap jumlah ini akan meningkat lagi," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah guru-guru yang tidak terlibat secara langsung sebagai Local Coaches ataupun 'Learning Partners' adalah disarankan supaya memanfaatkan kepakaran 'International Coaches' dengan mengikuti program-program perkembangan profesional guru-guru yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, baginda dalam titahnya mengingatkan supaya Kementerian Pendidikan tidak bersifat leka atau terlepas pandang dari memantau pelaksanaan Literacy and Numeracy

Coaching Program tersebut.

"Pastikan ia berjalan di atas landasan yang tidak bercanggah dengan falsafah kita. Ini sangat penting, di samping perubahan signifikan yang dibawahnya kepada prestasi guru,"

"Sehubungan dengan perkara ini, mungkin juga elok bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil daya usaha dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan bagi menyediakan pakej yang menarik sebagai insentif kepada guru-guru yang berminat menjadi Local Coaches," dalam titahnya.

Dalam masa yang sama baginda bertitah mengingatkan kita juga akan mengukur kompetensi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran berfikir. Ini dapat dilaksanakan melalui penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Programme for International Student Assessment (PISA).


Program itu dalam titah baginda, akan disertai oleh setiap pelajar yang berumur 15 tahun pada tahun 2018, dan akan menilai kompetensi serta kedudukan pelajar-pelajar itu berbanding dengan pelajar-pelajar lain di peringkat antarabangsa.

Ia juga dalam titahnya merupakan cabaran terhadap kapasiti guru-guru kita dalam menerapkan kefahaman kepada pelajar-pelajar untuk memahami bahan kandungan dan proses berfikir yang kompleks di dalam kehidupan ini.

Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Jamain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Majlis Mengangkat Sumpah bagi Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM.

Surat Perintah Lantikan dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis kemudian diteruskan dengan Upacara Mengangkat Sumpah oleh Yang

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hamzah Mohidin,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Mulia Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM.

Tarikh pelantikan tersebut berkuat kuasa mulai Khamis, 29 Zulhijjah 1438 Hijrah bersamaan 21 September 2017 Masihi. Sebelum ini Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM memegang jawatan sebagai Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM.

Juga hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Timbalan Menteri di JPM (Keselamatan dan Media), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar; Timbalan Menteri di JPM (Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap (Perindustrian), Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan Setiausaha Tetap di JPM, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Bungsu.

Berkenan terima mengadap

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam dan isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Mula-mula Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima

mengadap perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar yang akan menamatkan perkhidmatan.

Seterusnya Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan

menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Stephen Lindsay, iaitu Mrs. Xanthe Lindsay.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar yang akan menamatkan perkhidmatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Stephen Lindsay, iaitu Mrs. Xanthe Lindsay yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

NBD sertai PISA tahun 2018

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Kementerian Pendidikan sejak beberapa tahun telah melaksanakan beberapa rancangan dalam usaha untuk meningkatkan pembelajaran, iaitu menumpukan pada School Leadership Programme, yang bukan sahaja khusus kepada pemimpin-pemimpin sekolah, guru besar atau pengetua, tetapi juga kepada guru-guru.

Mengikut satu kajian, dalam meningkatkan pembelajaran itu adalah terletak kepada guru.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menggariskan perkara itu semasa ditemui Pelita Brunei pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-27, 2017 yang

berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Katanya, Mc Kenzie Report menekankan pentingnya peranan guru dan itulah sebenarnya yang telah dilaksanakan di negara-negara maju seperti Finland, Singapura, Korea dan negara-negara lainnya dalam bidang pendidikan mereka yang telah mencapai tahap tinggi dalam prestasi PISA (Program International Student Assessment).

Yang Berhormat yang dikurniakan Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) pada majlis itu seterusnya menyatakan negara ini akan mula menyertai PISA pada tahun hadapan.

"Jadi perkara yang penting ialah guru, di mana kita mesti mempunyai guru, tahap

pendidikan dan cara mengajar yang efektif bagi membantu pelajar-pelajarnya dan ini juga telah dilaksanakan di negara ini," tambahnya.

Menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sambutan tersebut, baginda menyebutkan mengenai rancangan literasi dan numerasi yang sedang berjalan pada masa ini.

Menurut Yang Berhormat Kementerian Pendidikan melalui guru-guru sumber akan melatih para guru dalam bidang literasi dan numerasi kerana kedua-duanya adalah penting serta asas dalam pembelajaran.

Sementara itu, penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention), Awang Jones bin Luar dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong berkata, seorang guru itu hendaklah memiliki kecekalan, ikhlas, amanah dan jujur serta



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa ditemui bual Pelita Brunei.



PENERIMA Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention), Awang Jones bin Luar dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong semasa ditemui bual Pelita Brunei.

kreatif dalam mengendalikan sesuatu program atau kurikulum.

Pada masa ini, beliau mengusahakan Projek Tanaman Lada (Sistem Fertigasi) dan berkursus di Eko Nadi, yang mana hasil dari tanaman lada tersebut

akan dijual.

Justeru itu, beliau berharap para guru dan generasi yang baru berkhidmat sebagai guru supaya akan dapat berusaha dan terus maju dalam bidang pendidikan masing-masing.

Tingkatkan keupayaan profesional guru

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Kementerian Pendidikan dan

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari semasa ke semasa sentiasa berusaha meningkatkan

kecemerlangan para guru di negara ini.

Di bawah Strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035, kecemerlangan guru disukat melalui Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (NKPI) 1.1, iaitu peratus guru yang berkelayakan

dan berkualiti tinggi.

Status terkini hasil penilaian itu telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian sasaran bagi tahun 2017 daripada garis asas.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menekankan perkara itu pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27, Tahun 2017 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"InsyaAllah, dengan adanya peningkatan ini, kita berharap akan dapat mencapai sasaran 90 peratus guru-guru yang berkelayakan dan berkualiti tinggi menjelang tahun 2035 nanti," sembah Yang Berhormat, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Menurut Yang Berhormat, bagi memastikan sasaran itu tercapai dan menyedari akan peri pentingnya setiap guru mencapai kecemerlangan diri, maka pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan bagi menambah kapasiti pengetahuan, kemahiran dan mengembangkan potensi insaniah (*soft skill*) bagi menjadikan para guru sebagai insan holistik, yang akan melahirkan pelajar-pelajar yang tidak hanya bersifat menerima tetapi juga sebagai peneroka ilmu.

Antara inisiatif itu sembah Yang Berhormat adalah memperkemas lagi Rangka Kerja dan Garis Pandu Perkembangan Profesional Guru (Teacher's Professional Development Framework and Guidelines) yang sedia ada agar lebih komprehensif bagi menyediakan pelbagai program profesional yang teratur dan berkesan serta berdaya tahan.

Seterusnya melalui Program Literacy and Numeracy di sekolah-sekolah yang berjalan dengan lancar pada masa ini, menurut Yang Berhormat, di mana kemahiran guru-guru yang terlibat diperkukuhkan melalui bimbingan dan sokongan daripada International Coaches bersama Local Coaches kepada guru-guru



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27, Tahun 2017 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

yang dibimbing (Learning Partners).

Fokus inisiatif ini sembah Yang Berhormat adalah untuk menghasilkan impak peningkatan sistematik dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.

"Semua inisiatif tersebut yang sebahagiannya melibatkan KHEU adalah dihasratkan bagi mempersiapkan guru-guru agar menjadi dinamik, berinisiatif untuk berubah dan mengamalkan kaedah, pendekatan yang baharu untuk meningkatkan keupayaan profesional mereka agar dapat memacu pencapaian para pelajar mereka ke tahap yang lebih baik," jelas Yang Berhormat menyembahkan.

Usaha-usaha ini sembah Yang Berhormat, tentunya akan menunjukkan keberhasilan pelaksanaannya dengan sokongan padu daripada pelbagai pihak, terutama agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

YSHHB hulur sumbangan kepada keluarga terlibat dalam kebakaran rumah



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny (kiri) semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang wakil ketua keluarga RPN Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Bagi meringankan beban yang dialami oleh mereka yang ditimpa musibah, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan BND21,500 kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran rumah baru-baru ini

di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' dan Kampung Sumbiling Lama, Mukim Kianggeh.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Mewakili keluarga mangsa kebakaran di Kampung Sumbiling Lama, pada 18 September 2017 adalah Dayang Hajah Siti Zaliha binti Haji Maidin; Dayang Jurinahwati binti Nudin; Awang Asmadi bin Zainal dan Awang Mohammad Adika bin Mohammad Nasir Meling. Penyampaian sumbangan berkenaan diadakan di No.4D, Tingkat 4, Kampung Berangan.

Manakala sumbangan seterusnya bagi mangsa kebakaran di RPN Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' yang berlaku pada 17 September 2017, para penerima sumbangan terdiri daripada Dayang Hamisah binti Haji Tengah; Awang Shahrin bin Haji Abd Latif; Awang Mohd Shamrin bin Haji Abd Latif. Penyampaian sumbangan tersebut diadakan di No.11, Simpang 508, Jalan Jerudong (Rumah Teres).

YSHHB merupakan wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Tadarus Al-Quran pesambah istimewa untuk raja dikasihi



Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Tadarus Al-Quran Sempena Sambutan 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Dari muka 1

Majlis seumpamanya adalah sebagai pesambah istimewa untuk raja yang dikasihi, dengan mengambil sukut suasana gembira dan penuh kesyukuran rakyat jelata serta seluruh penduduk Negara Brunei Darussalam dalam meraikan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan 'inayah Allah Subhanahu Wata'ala, seterusnya memohon kesejahteraan raja, keselamatan rakyat, keberkatan dan keamanan negara.

Ia juga dihasratkan agar pahala pembacaan Al-Quran 30 Juzuk berkenaan dihadiahkan kepada Kebawah DYMM, dengan niat agar dikabulkan segala hajat baginda dalam memerintah negara ke arah kemakmuran, keamanan, kesejahteraan dan kemajuan serta sebagai satu usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

ANTARA peserta yang menyertai tadarus berkenaan yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.



Doa Kesyukuran meraikan Sambutan Hari Guru Ke-27



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (lapan, kiri) dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tujuh, kiri) antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Tanggal 23 September merupakan Hari Guru bagi negara ini bagi meraikan dan mengenang para pendidik seluruh daerah menabur jasa memimpin anak bangsa dan watan ke arah pendidikan yang sempurna dan mapan.

Dalam meraikan sambutan yang ke-27 tahun ini, Majlis Doa Kesyukuran diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para pendidik di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Acara diselenggarakan dengan bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh Mudim Haji Matassim bin Haji Metussin.

Sementara Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan pula dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Hamidon.

Kemuncak acara Majlis Sambutan Hari Guru kali ini berlangsung pada Selasa, 26 September di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan membawakan tema 'Kecemerlangan Guru Teras Kejayaan Ummah'.

ANTARA warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menghadiri majlis tersebut.

HALUAN

Dari muka 2

Pihak sekolah diberikan amanat untuk menggalas tanggungjawab dalam menerapkan ilmu termasuk meningkatkan tahap literasi kepada pelajar-pelajar. Pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru masing-masing berperanan dalam menggalakkan dan mendorong pelajar-pelajar meningkatkan budaya membaca. Guru-guru perlu memberi kefahaman kepada pelajar-pelajarnya bahawa amalan membaca bukan sekadar untuk lulus peperiksaan, tetapi sebagai meluaskan ilmu pengetahuan. Selain melaksanakan program-program membaca, penggunaan prasarana seperti perpustakaan juga perlu dititikberatkan dan dimanfaatkan sebaik mungkin dalam menunjang pendidikan dan memupuk serta meningkatkan budaya membaca pelajar-pelajar.

Pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru juga memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar-pelajar menggunakan perpustakaan dengan lebih giat dan berterusan. Perpustakaan sekolah perlu sentiasa dipantau supaya koleksi buku-buku yang ada bermutu, bervariasi, sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar serta menambah koleksi buku-buku yang baharu. Guru-guru juga perlu mempelbagaikan *method* pengajaran dan pembelajaran yang boleh mendorong pelajar-pelajar menggunakan perpustakaan sebagai sumber ilmu dan rujukan. Perkara tersebut akan dapat menumbuhkan minat dan mendorong pelajar-pelajar menggunakan

perpustakaan, sekali gus dapat membudayakan amalan membaca.

InsyaaAllah, dengan adanya inisiatif memperkenalkan Buku Bacaan Inspirasiku dan setiap pelajar dimestikan membaca buku-buku yang disenaraikan akan dapat membantu usaha kita meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar. Diharapkan pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru dapat memberikan kerjasama dalam sama-sama mendukung inisiatif ini dengan memastikan pelaksanaannya seperti yang diharapkan. Kerjasama semua pihak tentunya akan memberi impak yang besar kepada dunia pendidikan di negara ini dalam mencorak dan membentuk sumber manusia dalam menjana pembangunan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk menyarakkan kepada semua pihak supaya meneruskan apa jua usaha yang dapat mempertingkatkan kesedaran masyarakat di negara ini tentang peri mustahaknya amalan membaca sepanjang hayat. Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkembangan Kurikulum atas inisiatif memperkenalkan Buku Bacaan Inspirasiku. Semoga usaha-usaha murni seperti ini akan mendatangkan impak positif yang besar kepada bangsa, agama dan negara dan mendapat berkat dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahmad

Hadiri IAMM, UNGA Ke-72



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri ASEAN (IAMM) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Presiden Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-72 yang diadakan pada 23 September 2017 lalu di New York, Amerika Syarikat. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Taati pemimpin dengan tidak berbelah bahagi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Antara tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin adalah mentaati pemimpin dengan tidak berbelah bahagi, mendukung, menaati dipikul oleh pemimpin mengikut kapasiti dan ruang lingkup yang dipertanggungjawabkan.

Ini juga termasuk mendoakan kesejahteraan serta keselamatan dunia dan akhirat bagi pemimpin kita.

Demikian antara yang disentuh dalam ceramah khas bertajuk 'Kepimpinan Adil Teras Kesejahteraan' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1439 yang berlangsung di Dewan Digadong



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (depan, tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1439 yang berlangsung di Dewan Digadong kementerian berkenaan.

kementerian berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Borang penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan menganjurkan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1439 Hijrah.

Menurut Siaran Akhbar KHEU, ia merupakan salah satu projek tahunan KHEU bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Penyertaan musabaqah tersebut dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang beragama Islam dan setiap

penyertaan hanya boleh mengikuti satu kategori musabaqah sahaja dengan mengikut syarat-syarat bagi setiap kategori.

Musabaqah tersebut akan mempertandingkan sebanyak lima kategori, iaitu Kategori 'A'; 'B'; 'C'; 'D' dan 'E' sebagaimana berikut :

Kategori 'A' - terbuka kepada peserta yang berumur 11 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2006 dan selepasnya serta tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut.

Menghafaz surah-surah pilihan dari Juz 30, iaitu Surah Al-Buruuj; Surah Ath-Thariq; Surah Al-A'laa; Surah Al-Ghasyiyah; Surah Al-Balad; Surah Asy-Syams; Surah Al-Lail; Kompilasi Surah-surah Lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Naas berserta Pemahaman Surah Al-Muthaffiin; Surah Al-Insyiqaaq dan Surah At-Tin.

Kategori 'B' - terbuka kepada

murid-murid berumur 17 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2000 dan selepasnya; dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut; dan bukan terdiri daripada penuntut Institut Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negara.

Menghafaz surah-surah pilihan, iaitu Surah Luqman; Surah As-Sajdah; Surah Yaa Siin; Suran Ar-Rahmaan; Surah Al-Waqi'ah; Surah Al-Mulk dan Surah Al-Insaan berserta Pemahaman Surah Al-Kahfi serta Surah Luqman.

Kategori 'C' - terbuka kepada semua peringkat umur, dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam Kategori 10, 20 dan 30 Juz sejak tahun 2010; serta tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'C' pada tahun sebelumnya.

Menghafaz 3 Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta pemahaman Juz 2.

Kategori 'D' - terbuka kepada

semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut serta tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 30 Juz.

Menghafaz 15 juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 15 berserta pemahaman Juz 12.

Kategori 'E' - terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori menghafaz 30 juz, dan hanya boleh menyertai musabaqahsemula, iaitu selepas dua tahun kemudian musabaqah diadakan.

Menghafaz 30 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Juz 23.

Borang penyertaan tersebut bolehlah diperoleh dari Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Blok 2H, Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311, Negara Brunei

Darussalam dan hendaklah disahkan dengan tandatangan dan cap bagi pihak-pihak yang berkenaan dalam borang permohonan.

Tarikh tutup mengemalikan borang penyertaan ialah pada Khamis, 9 November nanti, jam 4.00 petang di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Blok 2H, Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311, Negara Brunei Darussalam.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi Urusetia Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU melalui telefon +673 2233364 dan +673 2233365 atau melalui faksimile : +673 2237510 atau memuat turun dari laman Weblog : www.pppq-mabims.com.

Timbalan Menteri HEU adakan lawatan ke Singapura

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan rombongan mengadakan lawatan ke Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).



LAWATAN rasmi Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berserta rombongan dimulakan dengan membuat kunjungan ke kediaman Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Ehwal Luar Negeri Singapura, TYT Dr. Maliki bin Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud mengadakan lawatan rasmi ke Republik Singapura selama tiga hari, mulai 3 hingga 5 September lalu.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), lawatan tersebut merupakan undangan daripada Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Ehwal Luar Negeri Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Maliki Osman bin Osman.

Rombongan terdiri daripada Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop dan

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Masdi bin Rosli, selaku pegawai Pembantu Peribadi kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ketibaan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan di Lapangan Terbang Changi Singapura, dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Republik Singapura, TYT Awang Saiful Bahri bin Awang Mansor.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama memulakan lawatan rasmi dengan membuat kunjungan ke kediaman Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Ehwal Luar Negeri Singapura, TYT Dr. Maliki.

Semasa kunjungan tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri

Hal Ehwal Ugama mengucapkan terima kasih atas undangan TYT Dr. Maliki, dan melahirkan rasa gembira atas hubungan yang sedia ada, di samping mengakrabbkan lagi persaudaraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Seterusnya Yang Mulia dan rombongan membuat lawatan ke Masjid Yusof Ishak di Woodlands yang dibina menerusi Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki (MBMF), di samping peruntukan khas yang disediakan oleh pihak Kerajaan Singapura dan bantuan dari Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Delegasi meneruskan lawatan pada hari kedua ke MUIS di Braddell Rd.; Jamiyah Islam Singapura di Geylang yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang mengendalikan

berbagai perkhidmatan seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan, pendidikan, khidmat masyarakat dan dakwah, di mana mereka juga berkesempatan melawat Rumah Jamiyah Nursing (Darul Syifaa).

Lawatan pada hari terakhir adalah ke Madrasah Al-Junied Al-Islamiah bertempat di Victoria Lane dan diberikan taklimat mengenai Program Pengajian di Madrasah Al-Junied, Sejarah, Gabungan Sistem Baharu Madrasah, Penyatupaduan Kurikulum, iaitu (6 Integrated Subject Groupings SG), Penaikan Taraf Madrasah Al-Junied hingga membolehkan Penganugerahan Sijil Baccalaureate dan Sambutan 90 tahun penubuhan Madrasah Al-Junied.

Rombongan kemudiannya berkesempatan melawat ke Pusat Resource & Counseling Centre

(RCC) khususnya Rehabilitation Religious Group (RRG) di bangunan dan kawasan Masjid Khadijah, Geylang.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan seterusnya mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, TYT Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, yang juga menjalankan tugas bersangkut-paut dengan hal ehwal masyarakat Islam bertempat di Padi@Bussorah, Singapura.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan TYT bertukar-tukar pandangan dan isu-isu semasa khususnya dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan bersama. Kunjungan muhibah tersebut jelas menunjukkan keakraban hubungan kerjasama dua hala yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

Mesej tular kes rogol palsu

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Kebelakangan ini beberapa mesej berhubung kes-kes rogol palsu telah menjadi tular melalui WhatsApp dan media sosial. Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengambil perhatian serius terhadap mesej palsu tersebut.

Mesej tular pada masa ini yang ternyata palsu menceritakan penyerpapan atau serangan pejalan-kaki yang bersendirian oleh dua atau lebih orang dari sebuah kereta; dan ada juga versi penggunaan rakaman anak damit yang menangis untuk menarik / memikat wanita ke tempat-tempat yang terpencil.

PDB memaklumkan bahawa tidak ada sebarang bukti ataupun sebarang laporan diterima mengenai taktik-taktik sedemikian digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, PDB mengingatkan orang ramai bahawa menyebarkan maklumat palsu kepada orang awam adalah satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) yang boleh membawa hukuman penjara sehingga sesuatu tempoh tiga (3) tahun atau denda BND3,000, jika sabit kesalahan.

Walau bagaimanapun, PDB juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa kes-kes rogol dan insiden yang menjejaskan keselamatan awam diambil serius. Sebarang maklumat hendaklah disalurkan ke PDB bagi memastikan kesahihannya. Kes-kes seperti ini ditangani dengan kepekaan dan maklumat daripada orang ramai adalah dirahsiakan.

Warga Perkhidmatan Awam bertahlil di Kubah Makam Diraja



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24 hadir pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Lebih 200 warga Perkhidmatan Awam menghadiri Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24 Tahun ini.

Majlis Bertahlil tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir pada majlis itu, Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad yang juga selaku Pengerusi

Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24.

Turut hadir, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Surah Yaa Siin dan Tahlil. Doa Tahlil dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Belimbing Subok, Pengiran Haji Mohd. Hafizzudin bin Pengiran Haji Bakar.

Sejarah kedatangan Islam ke Brunei Darussalam

SIRI III

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abdul Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei



PANJI-PANJI yang menjadi Lambang Kerajaan Negara Brunei Darussalam sejak Perlembagaan Negara Brunei 1959.

TERTUBUHNYA KESULTANAN BRUNEI

SEBAGAIMANA yang saya katakan sebelum ini bahawa sebelum munculnya Kesultanan Melayu Islam di Brunei Darussalam, Islam telah pun dianuti oleh penduduk Brunei Darussalam dalam skop yang kecil. Ini dibuktikan adanya utusan Maharaja China kepada Raja Poni bernama 'P'u-lu-sheh' (Abu Al-Layth), dan utusan balas Raja Poni kepada Maharaja China yang diketuai oleh 'P'u A-li' (Abu Ali) dan diiringi oleh Kadi Kassim dan Syekh Noh, iaitu pada Abad Ke-10 Masihi. Dan juga adanya Kubur 'P'u Kung Chih-mu' di Perkuburan Orang Islam Kampung Rangas, Bandar Seri Begawan pada Abad Ke-13 Masihi.

Islam hanya mula bertapak dengan kukuhnya di Brunei Darussalam dan tersebar dengan luasnya dalam kalangan para pembesar negara dan penduduk tempatan setelah agama itu dianuti oleh Raja Brunei. Pada zaman dahulu, adalah menjadi kelaziman apabila seorang raja itu memeluk sesuatu agama, maka pembesar dan rakyat juga akan mengikut agama yang dipeluk oleh raja itu. Inilah juga yang berlaku di Brunei.

Mengenai Raja Brunei yang mula-mula menganut agama tersebut, Silsilah Raja-Raja Brunei mengatakan :

"Maka adalah yang awal-awal menjadi raja di dalam negeri Brunei, iaitu Awang Khalak Betatar dijadikan Sultan Muhammad, ialah yang awal-awal membawa agama Islam mengikut shariat Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam." (P.L. Amin Sweeney, 1968 : 51).

Lagi sekali, berdasarkan catatan sejarah China, Brunei Darussalam didapati adalah sebuah negara Islam pada tahun 1371M. Tarikh tepat bila Brunei menjadi sebuah negara Islam, tidak diketahui.

Menurut catatan tersebut pada tahun 1371M, Raja Brunei adalah bernama 'Ma-ha-mo-sha'. Sebutan tersebut besar kemungkinan berdasarkan pelatan Cina untuk menyebut 'Muhammad Syah' (Awang Alak Betatar). (Pehin Dato Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, 1973 : 12). The New Encyclopaedia Britannica mengatakan : "The family name Ma was derived from the Chinese rendition of Muhammad." (Robert P.Gwinn, 1986 : 166). Ini juga bermakna bahawa 'Ma' itu pada lazimnya adalah 'Muhammad' bagi kaum Cina Muslim.

Huang-Wu (1368-1398) yang berjaya menjadi Maharaja China dan menduduki Dinasti Ming telah berusaha menguatkan kedudukannya selepas dua tahun setengah menjalankan pemerintahan dengan menghantar beberapa buah utusan kepada beberapa buah negeri jirannya dan negeri asing untuk menerangkan kekuasaan dan kebesaran negara China sambil meminta negeri-negeri tersebut mengakuinya dengan menghantarkan ufti ke negara China. Antara negeri atau negara yang didatangi oleh rombongan yang bertolak dari negara China pada bulan September, 1370 itu ialah Poni. Selain nama Poni, Brunei juga dikenali dalam sejarah China dengan nama Po-li dan Po-lo.

Raja Poni sebaliknya telah mengirim utusan balas kepada Maharaja China, yang diketuai oleh seorang Muslim bernama 'I-zu-mai' (Ismail). Dari sini dapat diketahui bahawa Raja Poni itu telah pun memeluk Islam, antara lain bunyinya :

"I, Ma-ha-mo-sha, King of Poni and subject of your Majesty, because of the disorders and troubles in recent years, have until now have never come to your court from my barbarian land. Now with the arrival of the Imperial envoys who announced Your Majesty's edict, I learned that your Majesty has come to the throne and taken charge of the world From Ma, King of Poni...." (W.P. Groeneveldt, 1880 : 10).

Negara Brunei Darussalam bernasib baik kerana dipimpin oleh sultan-sultan yang terawal yang berani dan berwibawa, yang alim dan cintakan Islam untuk meletakkan ajaran Islam itu dengan kukuhnya di negara ini. Dalam senarai tersebut, Sultan Brunei yang pertama ialah Sultan Muhammad Syah (1363-1402), yang kedua Sultan Ahmad (1408-1425). Tarikh yang disebutkan dalam kurungan menunjukkan tempoh lamanya pemerintahan seseorang sultan. Mereka ini (Sultan Muhammad Shah dan Sultan Ahmad) dapat dikatakan sebagai pengasas bagi kemasukan Islam ke Brunei secara rasmi di peringkat negara. Ini kerana dengan Islamnya mereka itu telah menyebabkan para pembesar dan seluruh rakyat pada umumnya juga memeluk Islam. Sekiranya mereka belum mendapat hidayat ke arah itu, tentulah Brunei Darussalam belum beragama.

Dalam pada itu, Allah Tuhan Yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui segala-galanya, telah menjodohkan Sharif

Ali dengan puteri Sultan Ahmad dan takdir juga telah menentukan bahawa Sultan Ahmad tidak mempunyai putera lelaki, lalu diangkatlah Sharif Ali (1425 - 1432) (menantu Sultan Ahmad) menjadi Sultan Brunei Ke-3 dengan persetujuan para pembesar dan rakyat pada masa itu. Kesempatan yang baik ini telah dimanfaatkan oleh Sultan Sharif Ali untuk menyampaikan dakwah Islam dan ajaran Islam kepada rakyat Brunei yang beragama Islam pada masa itu. Ilmu agama dan ilmu pentadbiran yang ada padanya telah dicurahkan untuk Brunei. Dibinanya masjid yang pertama untuk tempat beribadah, di samping belajar agama. Baginda menjadi imam bersembahyang dan menjadi pemerintah negara. Baginda juga dikenali sebagai 'Sultan Berkat'. Sejarah mencatatkan bahawa baginda merupakan pancir dari keturunan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menerusi Sayyidina Hasan putera kepada Sayyidatina Fatimah Az-Zahra binti Rasulillah, yang bersuamikan Sayyidina Ali bin Abi Talib, sepupu dan menantu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antara alat kebesaran negara yang diwariskan oleh Sultan Sharif Ali dikatakan ialah 'Pedang Si-Bongkok' dan 'Panji-panji'.

Sultan Brunei Ke-4 ialah Sultan Sulaiman (1432 - 1485), putera Sultan Sharif Ali. Baginda merupakan seorang yang alim dan bertakwa. Ada riwayat yang mengatakan baginda cenderung kepada alam sufi. Pemerintahan dan perkembangan Islam berjalan dengan baik di zaman baginda. Baginda inilah yang melahirkan Sultan Bolkiah (1485 - 1524), Sultan Brunei Ke-5. Dalam zaman bagindalah (Sultan Bolkiah) wilayah kekuasaan pemerintahan Brunei semakin meluas yang dikatakan meliputi seluruh Pulau Borneo membawa ke sebahagian Selatan Filipina.

Kesultanan Brunei disambung oleh Sultan Abdul Kahar (1524 - 1530), Sultan Brunei Ke-6, yang juga dipanggil 'Marhum Keramat'. Dari panggilan itu menunjukkan adanya kelebihan pada diri baginda. Baginda tidak suka untuk mengembara. Sudah tentu masa yang terluang banyak digunakannya untuk beribadah. Sultan Brunei Ke-7 ialah Sultan Saiful Rijal (1533 - 1581). Baginda merupakan sultan yang beriman dan berakidah, berani menempuh cabaran demi Islam.

Dengan keberanian baginda itu telah menyelamatkan Brunei dari menjadi jajahan Sepanyol, dan dari agama Kristian bertapak di negara ini dengan tujuan menghapuskan Islam. Setentunya Allah telah menyelamatkan Brunei untuk kekal dalam Islam. Sultan Brunei Ke-7 ialah Sultan Syah Brunei. Tempoh pemerintahannya sangat pendek hanya sekitar dua tahun (1581 - 1582).

Sultan Brunei Ke-8 ialah Sultan Hasan (1582 - 1598). Tarikh tahun pemerintahan baginda ini ada sedikit



PANJI-PANJI yang dikatakan diasaskan oleh Sultan Sharif Ali.

perbezaan di antara seorang ahli sejarah dengan yang lain. Walau bagaimanapun, dalam zaman pemerintahan bagindalah terserlahnya banyak kemajuan telah dicapai seperti adat istiadat, adat resam, sistem orang bergelar, undang-undang syariah, sistem pertahanan, pendidikan agama, perkapalan dan sebagainya.

Bagi memantapkan sistem pentadbiran negara, Sultan Hasan telah memenuhi pelantikan barisan para Wazir, para Cheteria, para Pehin-Pehin Menteri, para Pehin-Pehin Menteri Ugama untuk membantu sultan dalam menjalankan kewajipan yang ada hubung kaitnya dengan hal ehwal pentadbiran dan keagamaan.

Namun sesuatu yang memihak bagi kecemerlangan Islam itu tidak semestinya berjalan lurus dan mudah, malah ada saja halangan dan rintangan. Sebagai misal, Hukum Kanun Brunei yang telah berjalan dengan baik itu, tidak dapat diteruskan apabila pihak British tiba dan pentadbiran dijalankan oleh Residen British. Hukum Kanun Brunei telah diberhentikan pelaksanaannya pada tahun 1912M, lalu digantikan dengan 'The Mohammedan Law' yang sangat kurang nilai Islamnya (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, 2007 : 369).

Pendeknya pihak British telah berjaya melemahkan ajaran Islam dan dakwah Islamiah di Brunei. Ini mungkin kerana ada maslahat yang tertentu pada mereka. Namun apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien menaiki takhta kerajaan menjadi Sultan Brunei Ke-28, maka usaha pertama yang baginda lakukan ialah mengembalikan kewibawaan undang-undang syariah di negara ini yang dikenali sebagai 'Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi, 1955'. Dan juga mengembalikan pelajaran agama yang telah pudar itu, supaya wujud semula dan subur, dengan meminta kerjasama dari Kerajaan Johor untuk menubuhkan persekolahan ugama yang bersistem pada tahun 1956. 10 tahun kemudian, di hujung tempuh pemerintahan baginda tertubuh pula persekolahan Arab.

Usaha-usaha tersebut diteruskan lagi dengan gigih dan cemerlangnya oleh anakanda sulung baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29.

Darah nifas berhenti seketika di dalam tempoh nifas

KELUARAN KEDUA

KADANG kala perempuan yang masih di dalam tempoh nifas, iaitu belum mencapai had maksimum nifas 60 hari, mengalami situasi, di mana darah nifasnya itu berhenti untuk satu jangka masa tertentu. Kemudian dia melihat darah keluar semula.

Perkara yang perlu diambil perhatian di sini ialah di dalam situasi yang disebutkan di atas, bermula dari keluar darah nifas yang pertama, kemudian darah nifas berhenti seketika, kemudian diikuti oleh darah yang kedua sehinggalah darah tersebut kering atau berhenti, kesemuanya ini berlaku di dalam had tempoh nifas dan tidak melebihi 60 hari.

Untuk memastikan hukum darah yang keluar semula di dalam tempoh nifas, iaitu setelah darah nifas berhenti seketika, terlebih dahulu hendaklah diperhatikan pada jangka masa darah nifas itu berhenti sebelum darah yang kedua keluar semula, sama ada dalam tempoh 15 hari atau lebih, ataupun kurang daripada tempoh 15 hari. Penjelasaannya adalah seperti berikut :

Pertama : Jika darah nifas berhenti selama suatu tempoh kurang daripada 15 hari, kemudian dia melihat darah keluar semula, maka darah yang keluar semula kali kedua itu dihukumkan sebagai darah nifas. Manakala tempoh bersih (*an-naqa'*) yang kurang daripada 15 hari di antara kedua-dua darah tersebut dihukumkan sebagai tempoh nifas berdasarkan pandangan (*qaul*) *as-sahab*. Demikianlah pendapat *al-mu'tamad*.

Sebagai contoh, seorang perempuan telah mengalami nifas selama 30 hari, kemudian darah nifasnya kering atau berhenti selama 10 hari. Setelah tempoh kering itu, dia melihat darah keluar semula. Darah yang keluar semula kali kedua itu adalah dikira sebagai darah nifas.

Kedua : Jika darah nifas berhenti selama 15 hari atau lebih, kemudian dia melihat darah keluar semula, darah yang keluar semula kali kedua itu dihukumkan sebagai darah haid, jika cukup syarat-syarat haid. Manakala tempoh bersih (*an-naqa'*) di antara kedua-dua darah tersebut (15 hari ataupun lebih) adalah dikira tempoh suci di antara darah nifas dan darah haid yang keluar selepas itu.

Sebagai contoh, seorang perempuan telah mengalami nifas selama 30 hari, kemudian darah nifasnya kering atau berhenti selama 15 hari atau lebih. Setelah tempoh kering itu, dia melihat darah keluar semula. Darah yang keluar semula kali kedua itu adalah darah haid, sekalipun dia masih berada di dalam lingkungan tempoh maksimum nifas, iaitu 60 hari.

Hukum Ibadat Dalam Tempoh Bersih (An-Naqa') Yang Dihukumkan Sebagai Nifas

Apabila berhadapan dengan darah nifas yang berhenti seketika di dalam tempoh nifas, persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimana dengan kedudukan kewajipan ibadat dan perkara selainnya? Penjelasaannya seperti berikut :

SEKIRANYA dia melihat darah nifas berhenti atau kering, maka wajib ke atasnya mandi mengangkat hadas dan melaksanakan kewajipan lain seperti sembahyang dan puasa. Demikian juga, dia boleh melakukan tawaf, membaca Al-Quran, memegang dan menanggung mushaf, i'tikaf, bersetubuh dan selainnya sepertimana tiada larangan ke atas perempuan yang suci. Para ulama tidak ada percanggahan dalam perkara ini. Ini kerana pada ketika itu tidak diketahui adakah darahnya akan kembali semula ataupun berhenti (sudah kering).

Sekiranya dia melihat darah nifas berhenti atau kering, maka wajib ke atasnya mandi mengangkat hadas dan melaksanakan kewajipan lain seperti sembahyang dan puasa. Demikian juga, dia boleh melakukan tawaf, membaca Al-Quran, memegang dan menanggung mushaf, iktikaf, bersetubuh dan selainnya sepertimana tiada larangan ke atas perempuan yang suci. Para ulama tidak ada percanggahan dalam perkara ini. Ini kerana pada ketika itu tidak diketahui adakah darahnya akan kembali semula ataupun berhenti (sudah kering).

Bagaimanapun, sekiranya pada hari-hari seterusnya dia mendapati darah keluar semula, sepertimana dalam keadaan pertama di atas, maka menurut pandangan (*qaul*) *as-sahab*, ibadat yang dilaksanakannya dalam tempoh bersih (*an-naqa'*) itu adalah batal (tidak sah) serta wajib *diquidha'*, umpamanya puasa fardu, jika ada.

Di dalam tempoh tersebut, sembahyang *qadha'* yang dikerjakannya juga adalah tidak sah dan wajib diulang semula. Bagaimanapun sembahyang yang dikerjakannya secara tunai tidak wajib *diquidha'*, sekalipun dalam keadaan ini dihukumkan tidak sah. Ini kerana pada asalnya, sembahyang tunai itu telah dikerjakannya di dalam tempoh haid, sedangkan di dalam tempoh haid tidak diwajibkan ke atas perempuan haid untuk menunaikan sembahyang fardu.

Hukum puasa sunat yang dikerjakannya pula, adalah juga tidak sah, akan tetapi dia tetap memperoleh ganjaran pahala di atas niatnya melakukan ibadat tersebut sebagai suatu ketaatan. Bagaimanapun, dia tidak memperoleh ganjaran pahala atas puasa sunat itu sendiri, disebabkan puasa sunat tersebut adalah tidak sah kerana dikerjakan di dalam tempoh haid.

Di samping itu, perbuatan suami menyedut isteri dalam tempoh bersih tersebut secara dasarnya tidak dibolehkan, bagaimanapun tidak dihukumkan berdosa disebabkan kejahilan atau tidak mengetahui dengan pasti akan keadaan darah nifas, sama ada akan keluar semula ataupun tidak.

Manakala dalam keadaan yang kedua di atas, segala ibadat yang dilaksanakan dan selainnya adalah sah. Ini kerana tempoh bersih (*an-naqa'*) di antara kedua-dua darah tersebut dihukumkan sebagai

tempoh suci.

Darah Nifas Berhenti Setelah Mencapai 60 Hari

Seperti yang telah dijelaskan, tempoh maksimum darah nifas adalah 60 hari dan malamnya. Oleh yang demikian, apabila perempuan yang bernifas telah mencapai had nifasnya 60 hari serta darah nifasnya berhenti atau kering, maka dia dihukumkan suci daripada nifas. Sekiranya dia melihat darah keluar semula selepas hari ke 60 itu, maka darah yang keluar semula kali kedua itu dihukumkan darah haid, sekalipun darah nifas itu berhenti atau putus hanya satu *lahzah* atau detik. Manakala tempoh bersih antara nifas dan haid yang selepasnya itu pula adalah tempoh suci.

Perbezaan Tempoh Suci Di Antara Darah Haid Dan Darah Nifas

Tempoh suci di antara dua haid adalah berbeza daripada tempoh suci di antara haid dan nifas (atau sebaliknya). Ini kerana tempoh suci di antara dua haid hendaklah diselang dengan tempoh suci sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut (secara berterusan). Manakala tempoh suci di antara haid dan nifas (atau sebaliknya) tidak disyaratkan diselang dengan tempoh suci sebanyak 15 hari di antara keduanya. Dengan erti kata lain, tempoh suci di antara haid dan nifas boleh sahaja kurang daripada 15 hari.

Berikut adalah beberapa contoh bagi menjelaskan perkara di atas :

1. Seorang perempuan yang hamil mendapati dirinya baharu suci dari haid, sebagaimana pendapat *al-ashah* bahawa perempuan hamil juga dihukumkan mengalami haid apabila cukup

HUKUM puasa sunat yang dikerjakannya pula, adalah juga tidak sah, akan tetapi dia tetap memperoleh ganjaran pahala di atas niatnya melakukan ibadat tersebut sebagai suatu ketaatan. Bagaimanapun, dia tidak memperoleh ganjaran pahala atas puasa sunat itu sendiri, disebabkan puasa sunat tersebut adalah tidak sah kerana dikerjakan di dalam tempoh haid.



syarat-syaratnya. Kemudian dalam tempoh sucinya cuma satu hari sahaja ataupun kurang daripada itu, dia melahirkan anak. Setelah kelahiran anaknya, dia melihat darah keluar lagi. Dalam keadaan ini, darah yang pertama ketika hamil itu adalah darah haid dan darah yang kedua setelah kelahiran anaknya itu adalah darah nifas. Manakala tempoh bersih di antara haid ketika hamil dan nifas itu, iaitu satu hari ataupun kurang, adalah tempoh suci. Dalam contoh ini adalah jelas bahawa tempoh suci di antara kering darah haid dan permulaan keluar darah nifas adalah kurang daripada 15 hari.

2. Seorang perempuan yang telah mencapai tempoh maksimum nifas 60 hari, kemudian dia suci daripada nifas kerana darah nifasnya kering atau berhenti. Dalam tempoh kurang daripada 15 hari setelah dia suci daripada nifasnya dia melihat darah keluar lagi. Dalam keadaan ini, darah yang kedua selepas kering darah nifas itu adalah darah haid. Manakala tempoh bersih di antara nifas dan haid, iaitu kurang daripada 15 hari, adalah tempoh suci.

3. Seorang perempuan yang mengalami nifas selama 59 hari, kemudian pada hari ke-60 dia suci (kering darah nifasnya). Pada hari ke-61, jika dia melihat darah keluar semula, maka darah tersebut adalah darah haid. Dalam contoh ini, tempoh suci di antara kedua-dua darah itu adalah satu hari ataupun kurang.

Sebagai kesimpulan, wajib ke atas perempuan untuk mempelajari, mengetahui dan memahami perkara yang diperlukannya mengenai darah haid, nifas dan *istihadhah* lebih-lebih lagi bagi mereka yang sedang mengalami nifas atau yang akan mengahapinya. Ini termasuklah hukum berkaitan darah nifas yang tertangguh keluarnya, darah nifas yang berhenti seketika semasa masih di dalam tempoh nifas, iaitu 60 hari, darah yang keluar melebihi had nifas, tempoh bersih, tempoh suci dan selainnya.

٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته داتس تخت

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Sejarah awal sektor telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam

Oleh : Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI) dengan kerjasama Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

SIRI II

Memudahkan Sektor Telekomunikasi Yang Vibrant Dan Berdaya Saing

1. Meningkatkan Ketersambungan

DST menjadi pembekal tunggal perkhidmatan telekomunikasi mobil pada tahun 1996. Kadar penetrasi mobil bertumbuh dengan pesat; pada tahun 2001, kadar penetrasi mobil di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah 32 peratus dan meningkat menjadi 121 peratus pada tahun 2014. Pertumbuhan ini adalah hasil pelaburan yang signifikan dalam pembangunan infrastruktur.

Sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan saingan yang sihat dalam sektor telekomunikasi, AITI memberikan lesen pada B-Mobile untuk mengendalikannya perkhidmatan 3G pada tahun 2005. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan pilihan kepada pengguna dan menggalakkan kedua-dua pembekal perkhidmatan telekomunikasi untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam pemberian perkhidmatan. Persaingan dalam pemberian perkhidmatan 3G menjadi lebih sengit lagi apabila DST melancarkan perkhidmatan 3G pada tahun 2008. Sebagai tindak balas, pihak B-Mobile memperkenalkan teknologi 3.5G. Sejak itu, ketersambungan semakin meningkat lebih-lebih lagi dengan meningkatnya permintaan bagi telefon pintar atau *smart phone* dan kapasiti data serta kelajuan yang tinggi.

Pada tahun 2013, DST diberikan *spectrum rights* untuk menggunakan band frekuensi 1800Mhz untuk jangka 15 tahun khas bagi penyebaran perkhidmatan LTE.

LTE atau Long Term Evolution adalah generasi keempat piawai tanpa wayar (*wireless standards*) bagi komunikasi data mudah alih dan adalah perkembangan teknologi yang terbaharu. Teknologi ini akan membolehkan DST memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada pengguna-pengguna mobil bagi kelajuan dan kapasiti yang lebih tinggi. Ia juga akan membolehkan lebar jalur (*bandwidth*) yang lebih tinggi untuk kegunaan data pada kadar sambungan yang lebih baik berbanding teknologi 2G atau 3G.

Pada tahun 2014, urusan dan operasi B-Mobile diambil alih Darussalam Assets dan dilancarkan semula sebagai Progresif Cellular Sdn. Bhd. (Progresif). Pembekal perkhidmatan yang terbaharu dalam sektor telekomunikasi ini akan memberi pilihan kepada para pengguna tempatan dengan memberikan perkhidmatan yang pelbagai dan lebih *value for money*. Ini adalah sejajar dengan komitmen AITI untuk memastikan perkhidmatan telekomunikasi boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di NBD.



Pada masa ini, kadar ketersambungan semakin meningkat. Sebanyak 287 kampung daripada jumlah keseluruhan 360 kampung dibekalkan dengan perkhidmatan mudah alih (*mobile*) atau jalur lebar kelajuan tinggi. Dengan pelaksanaan penyambungan jalur lebar kelajuan tinggi sedang giat dijalankan, liputan jalur lebar dijangka melebihi 290 kampung.

Infrastruktur jalur lebar yang berleluasa telah menyumbang pada penurunan dalam kadar telefoni tradisional. Walaupun terdapat 75,688 pelanggan *fixed line*, pendapatan yang dihasilkan daripada perkhidmatan suara semakin menurun.

TelBru mula menyambungkan Gantian Terus Ke Rumah (FTTH) secara berfasa sejak tahun 2011. Fasa pertama yang berakhir pada tahun 2013 telah menyambungkan sebanyak 41,000 rumah. Fasa kedua berakhir pada tahun 2015. Pada masa ini, lebih kurang 30,000 rumah dan premis disambungkan dengan perkhidmatan FTTH. TelBru menyasarkan sebanyak 45,000 rumah sebelum akhir tahun 2017. Kebanyakan pelanggan baharu telah berpindah dari perkhidmatan jalur lebar copper (ADSL) ke FTTH. Walau bagaimanapun, masih terdapat 9,000 pelanggan yang menggunakan ADSL, yang kebanyakannya terletak di kawasan-kawasan yang belum dibekalkan dengan jaringan jalur lebar FTTH. TelBru juga memperkenalkan perkhidmatan Wi-Fi di seluruh negara pada tahun 2016 yang telah pun menarik kira-kira 35,000 pelanggan.

Penembusan mudah alih (*mobile penetration*) meningkat menjadi 125.5 peratus di tahun 2016. Ini disebabkan permintaan yang semakin tinggi bagi *data traffic* dan penyebaran telefon pintar. Oleh kerana ini, pihak AITI menjangkakan bahawa jalur lebar mudah alih (*mobile broadband*) juga akan meningkat. Jalur lebar mudah alih juga adalah cara yang paling mudah untuk menyebarkan perkhidmatan jalur lebar ke kawasan-kawasan *rural* dan penyediaan

perkhidmatan tersebut akan membolehkan penduduk-penduduk di kawasan ini untuk sama-sama menikmati manfaat yang dibawa oleh ketersambungan jalur lebar.

2. Perubahan Landskap Pengawalseliaan

AITI komited untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan persaingan yang efektif serta adil pada masa yang sama mempromosikan perlindungan pengguna dan memastikan penggunaan sumber yang terhad dijalankan dengan cekap.

Rangka kerja pengawalseliaan dan melesen diperkenalkan dalam tahun 2003 dan mula beroperasi pada 1 April 2006 apabila Telecommunications Order 2001 mula berkuat kuasa. Sejak awal lagi, AITI telah menghadapi pelbagai cabaran dalam pelaksanaan dan pentadbiran. Antara cabaran yang dihadapi adalah rangka kerja yang kurang berkemampuan untuk menampung teknologi yang pesat berkembang untuk membolehkan *business model* yang baharu dan penyediaan perkhidmatan yang inovatif.

AITI sedang melaksanakan pembentukan Converged Regulatory Framework untuk membentuk rangka kerja pengawalseliaan bagi sektor telekomunikasi, penyiaran dan media. Ini berhasrat untuk mengimbangi keperluan industri untuk terus berkembang dan menggalakkan inovasi. Projek ini akan menilai semula rangka kerja pengawalseliaan dan melesen dengan matlamat untuk merealisasikan hasrat kerajaan supaya sektor telekomunikasi, penyiaran dan media dikawal selia oleh sebuah organisasi.

Antara elemen utama rangka kerja pengawalseliaan *converged* ini adalah :

- Struktur melesen yang diselaraskan untuk mengurangkan beban kawal seliaan dan memastikan peraturan yang perlu dan berkadat;

- Provisi yang membolehkan persaingan melalui undang-undang *subsidiary* atau Code of Practice untuk menggalakkan kecekapan dan pada masa yang sama

memastikan akses pasaran yang objektif dan *transparent*.

- Struktur bayaran yang disemak semula untuk menggalakkan perkembangan industri dan inovasi melalui pengurangan beban kawal seliaan.

3. Pengurusan Sumber Terhad Yang Cekap

Sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi pengurusan spektrum frekuensi radio, AITI berhasrat untuk memastikan sumber terhad ini digunakan dengan berkesan melalui perancangan, pemantauan dan pentadbiran yang efisien. Ke arah itu, AITI menerbitkan Pelan Spektrum Brunei Darussalam pada tahun 2015 yang menyediakan peruntukan frekuensi yang diambil dari ITU Radio Regulations dan menunjukkan pemisahan frekuensi mengikut kategori-kategori perkhidmatan. Pelan Spektrum Pelan Spektrum juga menetapkan dengan jelas penggunaan spektrum radio frekuensi di NBD dan perancangan AITI untuk mengembangkannya dalam masa yang terdekat.

Di segi antarabangsa pula, AITI memastikan bahawa penggunaan spektrum frekuensi radio adalah sejajar dengan Peraturan Radio ITU (ITU Radio Regulations), iaitu satu perjanjian antarabangsa yang mentadbir penggunaan frekuensi radio.

4. Memastikan Pembekalan Perkhidmatan Telekomunikasi Yang Berkualiti

Sebagai pelengkap usaha-usaha AITI dalam mengembangkan sektor telekomunikasi, meningkatkan produktiviti perniagaan dan memastikan perlindungan pengguna, AITI telah merumuskan dan melaksanakan rangka kerja Quality of Service (QoS) untuk sektor telekomunikasi. Antara matlamat rangka kerja ini adalah untuk menggalakkan perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti tinggi. Rangka kerja QoS menetapkan penanda aras yang minimum yang harus dipatuhi oleh *operators* yang berlesen dalam penyediaan perkhidmatan suara dan data melalui rangkaian mudah alih dan tetap.

Menggalakkan Pertumbuhan Nama Domain .bn

Pada tahun 2012, AITI memulakan projek untuk mengembangkan Rangka Kerja Domain Name Services *.bn* untuk Brunei Darussalam. Ini adalah untuk menjadi asas bagi perkembangan dan pertumbuhan nama domain *.bn*.

Dengan penerimaan Rangka Kerja DNS oleh AITI, Brunei Darussalam National Information Centre Sdn. Bhd. (BNNIC) ditubuhkan pada tahun 2013 untuk melaksanakan Registry-Registrar Model, di mana AITI memberi kuasa pada BNNIC untuk pendaftaran, pentadbiran dan pengurusan nama domain di NBD.

Penutup

AITI memainkan peranan yang penting dalam merangsang pertumbuhan sektor telekomunikasi dan industri ICT di NBD. AITI telah mensejajarkan visi dan misi untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan industri ICT yang inovatif, yang mampu untuk memperkaya kualiti kehidupan rakyat dan menggerakkan negara ke hadapan, seperti yang dihasratkan oleh Wawasan Brunei 2035.

Berkenan berangkat ke Sambutan Hari Guru Ke-27

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27 Tahun 2017 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Berangkat sama ialah putera-putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 230 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SUSHARNI BINTI HAJI ALI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABD. WAHID BIN HAJI AZAM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 30 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 229 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH DAYANG JUBA BINTI DAGANG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **UJAN BIN DAGANG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 30 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 236 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJH. SUZIRINAWATI BINTI HAJI SIJOM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SIJOM BIN ABDULLAH @ HAJI SIJUN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 30 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 237 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KASSIM BIN HAJI AWANG ABDULLAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DK. SITI SAEIRAH BINTI PG. HAJI MOHIUD** yang telah meninggal dunia di

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 30 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 239 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG NASYATION BIN AWG. HJ. HASSIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANG HAJI HASSIM BIN AWANG HAJI METALI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 7 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 240 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada

mahkamah ini telah diperbuat oleh **OMASARYANTI BINTI OMAR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **RUSLAN BIN YASSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **19 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 7 Ogos 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 244 / 2017**

KENYATAAN
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ASARI BIN HAJI ABDUL RASHID** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI HUSSAIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **26 September 2017, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 7 Ogos 2017.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.**

**PESERTA YANG BERJAYA KE PERINGKAT
AKHIR PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH
KALI KE-3 BAGI TAHUN 2017**

Kategori A



Siti Julaiha binti Puasa
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI



**Awang Mohammad Hajib Sarhan
bin Awang Haji Harkani**
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN



**'Izzatul Abidah binti
Haji Mohammad Ghani**
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM



Pertandingan
**PIDATO
SEJARAH**
Kali Ke-3 Tahun 2017



MENTERI KEBUDAYAAN,
BELIA dan SUKAN

Kategori B



**Saizatul Natasha binti
Saipol Rizal**
SM ARAB LAKI-LAKI



**Nurshahirah binti Haji
Bakar**
MAKTAB SAINS PADUKA
SERI BEGAWAN SULTAN



**Alleyana Edanna
anak Bala**
MAKTAB DULI
PMAMB, GADONG

Kategori C



Alvina Hee Chee Ying
SM CHUNG HWA



**Ak. Md. Nukman Syawqi
bin Pg. Md. Salimin**
SM YAYASAN SHHB



**Norafifah binti
Haji Latif**
SUAMP RIPAHS

**PERTANDINGAN AKAN
BERLANGSUNG PADA:**
**4 RABIULAWAL 1439/
23 NOVEMBER 2017**

BERTEMPAT DI:
**DEWAN RAYA, RTB,
BANDAR SERI BEGAWAN
BS8610
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Anjuran:

 قوسة سجارة بروني
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Dengan kerjasama:
 JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
 JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM,
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


 راديو تيليويشن بروني
RADIO, TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2017 DI DAERAH TEMBURONG

BIL	KETERANGAN	YA NUR TRADING CO SDN BHD @ LUMUT SUPERMARKET (PANDARUAN, TEMBURONG)
1	Mentega / Marjerin	
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ 4.20
2	Makanan dalam tin	
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ 1.60
	REX; Chicken Curry - 160 g	\$ 1.70
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	\$ 2.50
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	\$ 1.95
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	\$ 1.90
3	Telur Ayam	
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ 4.60
4	Minyak Masak	
	SUNCO; Vegetable - 2 ltr	\$ 4.20
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	\$ 9.90
5	Pencuci pakaian	
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ 2.10
6	Mee kering	
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	\$ 0.55
	CAP LIMA; Mee Hoon - 400 g	\$ 1.20
7	Susu Cair	
	IDEAL - 405 g	\$ 1.40
8	Tepung	
	PRIMA; Plain - 1 kg	\$ 2.40
9	Susu Tepung Berformula	
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 600 g	\$ 6.80
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 8.80
	NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2)	\$ 44.50
10	Lampin bayi pakai buang	
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	\$ 12.90
	EQ DRY; Newborn (Up to 5 kg) - NB 20/22	\$ 3.80
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	\$ 11.50
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	\$ 7.80
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	\$ 11.50
11	Mee segera	
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.50
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.45
	MAGGI; Asam - 80g x 5	\$ 1.90
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ 1.65
12	Milo @ Malaysia	
	Nestle Milo - 1 kg	\$ 6.50
13	Minuman jenis uncang, serbuk dan botol	
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ 2.40
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ 0.80
14	Bawang	
	Bawang Besar - 1 kg	\$ 1.50
	Bawang Putih - 1 kg	\$ 3.80
	Bawang Merah - 1 kg	\$ 3.00
15	Sos	
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.70
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.90
	MAGGI; Sos Cili - 340 gm	\$ 1.20
	MAGGI; Sos Tomato - 325 gm	\$ 1.10

*Harga barang tertakluk kepada stok

*** Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih Pengguna Bijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cadSebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn

Pemenang Minda Pembaca!



Gunakan produk kesihatan dengan bijak dan selamat

KESIHATAN adalah amat penting bagi setiap individu. Setiap individu haruslah tahu bagaimana menjaga kesihatan untuk diri sendiri dengan teratur dan bijak. Sebut saja tentang kesihatan pasti semua masyarakat inginkan kesihatan yang menyeluruh dari luar dan dalam tubuh mereka sehingga ada yang sanggup membeli dan menghabiskan wang untuk produk-produk kesihatan mahupun kecantikan untuk kepuasan mereka.

Dalam hal ini, ada segelintir masyarakat tidak mengetahui akan kesan bahayanya mengambil produk-produk kesihatan yang tidak sesuai dari segi cara pengambilan dan pemakaiannya. Antara kesan-kesan bahaya yang boleh terjadi terhadap seseorang itu adalah seperti risiko sakit jantung, badan rasa sakit-sakit, alergi kepada kulit dan sebagainya.

Oleh yang demikian, sebagai seorang pengguna kita haruslah peka dan

berwaspada akan bahan-bahan kimia yang terkandung di dalam setiap produk yang diambil agar tidak mendatangkan kesan yang buruk sehingga memudaratkan diri sendiri. Pihak yang tertentu hendaklah memantau semua keselamatan produk-produk kesihatan yang kini berleluasa dijual di pasar raya-pasar raya dan gedung-gedung dengan pelbagai jenis jenama dan keluaran produk-produk tersebut.

Kadang kala, masyarakat kita mudah terpengaruh dengan iklan-iklan kesihatan dan promosi harga yang murah terhadap sesuatu produk tersebut sedangkan kita tidak tahu kesan sampingannya sesudah menggunakannya. Sesetengah kedai produk juga tidak memantau akan tarikh luput produk dan ada juga menjual

produk yang tiruan. Sebagai pengguna produk-produk kesihatan kita hendaklah memastikan dengan lebih lanjut akan sesuatu produk itu sesuai dengan tubuh badan kita atau tidak, yang lebih baik meminta pendapat dan nasihat daripada para doktor kesihatan. Oleh itu, kita hendaklah selalu bertindak bijak apabila menggunakan produk kesihatan dengan selamat dan menggunakan dengan cara-cara yang betul, teratur dan tidak menyalahgunakannya.

Nama : Nurjuliaha binti Abdullah
No. K/P : 01-060766 (K)

Alamat : No. 19, Simpang 14, Jalan 99, RPN Kampung Rimba, Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kelebian Melancong Di Dalam Negara'. Tarikh Tutup : 27 September 2017
2. 'Jasa Guru Tidak Ternilai'. Tarikh Tutup : 4 Oktober 2017
3. 'Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Laker Sejarah'. Tarikh Tutup : 11 Oktober 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Pemilihan makanan - halalan thayyiban


PERKATAAN 'halal' membawa maksud yang luas mengenai tatacara hidup orang Islam yang menitikberatkan aspek *halalan thayyiban*, iaitu kesucian, amalan kebersihan dan kehidupan yang sihat serta halal. Dari sudut pandangan Islam, makanan yang baik lagi halal mampu membentuk keterampilan peribadi seseorang yang akhirnya akan menyumbang pada pembentukan ummah. Sebagai umat Islam kita wajib memastikan sumber makanan dan minuman adalah halal dan memenuhi panduan pemakanan syariat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 :

"Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu."

Perkataan *thayyiban* itu pula membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi syarak. Makanan yang halal di sisi syarak adalah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas daripada sebarang kemudharatan, sebaliknya sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, harum baunya tetap keji di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, sebagai seorang Islam sama ada pengusaha makanan halal dan individu hendaklah mengambil kira setiap perkara sama ada dari segi modal perniagaan, pelaburan, hasil pendapatan serta bahan-bahan yang digunakan hendaklah dijauhi daripada unsur-unsur yang haram seperti judi, riba, rasuah dan sebagainya.

Ajaran Islam amat menitikberatkan persoalan makanan yang halal dan bersih



kepada umatnya. Sesuatu makanan yang haram dimasukkan ke dalam tubuh seseorang akan membawa pada kesan yang mendalam pada tingkah laku, budi pekerti, kejernihan hati nurani dan penerimaan doa yang dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah An-Nahl, ayat 114-115 :

"Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai

orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu memakan bangkai dan darah dan daging babi dan binatang yang disembelihkan dengan (menyebut nama) yang daripada (nama) Allah. Tetapi sesiapa yang terpaksa (memakannya) sedang dia tidak mengingatinya dan tidak pula melampaui batas (maka tidaklah dia berdosa). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Dalam mengharungi perkembangan semasa di era global, banyak makanan dan minuman yang ditawarkan kepada kita perlu diperiksa dan diteliti sebaiknya. Dalam hal ini, perkara yang halal lagi baik hendaklah menjadi keutamaan kita, manakala yang haram dan tidak baik

semestinya dihindari. Kita juga dituntut agar menjauhi barang-barang syubhah yang mengelirukan dan tidak jelas hukumnya, kita sepatutnya berwaspada supaya tidak mengambil atau mencubanya melainkan setelah dipastikan kehalalannya dan kebajikanannya. Ini kerana pengambilan makanan dan minuman yang syubhah boleh mengheret pada penggunaan barangan yang haram secara tidak disangka-sangka.

Dalam perkembangan semasa juga ada dari kalangan peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan memperdayakan pengguna seperti pemalsuan logo halal, menggunakan logo halal pada produk yang haram. Walaupun matlamat perniagaan untuk mencari rezeki dan mendapat keuntungan, namun soal keberkatan dan keikhlasan tidak boleh diketepikan atau dipandang remeh. Mereka yang melakukan penipuan seperti ini sebenarnya telah mengkhianati masyarakat Islam dan melakukan amalan syaitan yang menyesatkan.

Perlu diingatkan kepada setiap umat Islam tentang bahayanya fitnah dan khabar angin yang melanda dalam masyarakat pada masa kini terutamanya melalui media massa, seperti WhatsApp, Facebook dan sebagainya. Fitnah adalah mengada-adakan sesuatu yang tidak ada atau mengaitkan diri seseorang dengan sesuatu yang tidak benar, ia adalah haram di dalam Islam. Ingatlah fitnah ini dapat memecah-belahkan dan menggugat keharmonian serta perpaduan masyarakat. Oleh itu, kita hendaklah menjauhi dan berhati-hati dengan khabar angin serta ancaman fitnah seumpama ini.

PERKATAAN 'thayyiban' itu pula membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi syarak. Makanan yang halal di sisi syarak adalah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas dari sebarang kemudharatan, sebaliknya sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, harum baunya tetap keji di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Syarikat perkapalan nasional, Amann Shipping Tingkatkan *connectivity* dan jadual pelayaran kapal kargo

RANTAU ASEAN dengan penduduknya melebihi daripada 600 juta orang merupakan pusat ekonomi dan perdagangan yang semakin berkembang maju. Terletak di salah satu laluan perkapalan yang paling penting di dunia, rantau ini menghasilkan dan mengangkut sejumlah besar kargo setiap tahun dari komoditi pukal, kenderaan dan jentera hinggalah kargo cecair seperti minyak mentah dan bahan kimia.

Ini telah membawa pada pembangunan pesat pelabuhan-pelabuhan laut di rantau ini. Hari ini, infrastruktur pelabuhan di rantau ini adalah antara yang termaju, efisien dan paling sibuk di dunia. Pelabuhan-pelabuhan tersebut telah menyediakan rangkaian perhubungan yang berkesan bagi memastikan pergerakan barangan dan bekalan serta kawasan laluan perkapalan di rantau ini tidak terganggu.

Bagi Negara Brunei Darussalam, potensi pengangkutan dan logistik dalam sektor maritim masih belum diterokai sepenuhnya. Sebagai sebuah negara pengguna, Brunei Darussalam merupakan pasaran bagi barangan asing, yang mana majoriti barangan pengguna perlu diimport. Pergantungan negara pada kapal-kapal asing untuk membawa masuk barangan juga mengekspor barangan dari negara ini telah menyebabkan para peniaga tempatan membayar kos pengangkutan yang lebih tinggi berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Cabaran lain yang dihadapi oleh perniagaan tempatan adalah tempoh pelayaran yang lama, yang mana sebelum barangan yang diimport sampai ke negara ini, syarikat perkapalan swasta biasanya akan membuat persinggahan ke pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini untuk memaksimumkan ruang muatan yang sedia ada, sebelum singgah dan memunggah turun kargo di Pelabuhan Muara. Ini bukan sahaja memanjangkan perjalanan laut, tetapi juga menambah kos pada harga barangan yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pihak pengguna tempatan.

Dalam usaha untuk menangani kos logistik yang tinggi dan meningkatkan *connectivity* yang lebih baik, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan sebuah syarikat perkapalan



AMANN Shipping juga dijangka menawarkan rangkaian yang lebih baik dan jadual pelayaran tetap yang lebih kerap di antara Muara dan pelabuhan lain di rantau ini.

Oleh :

Kementerian Kewangan dengan kerjasama Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

negara. Marzuq Holdings Limited (Marzuq), ialah syarikat usaha sama di antara Modal Pembangunan Strategik (SDC) Kementerian Kewangan dan Go-Wide Shipping Holding Limited dari Hong Kong yang ditubuhkan pada Mei 2014. Usaha sama ini adalah satu lagi langkah signifikan untuk mempercepatkan lagi program mempelbagaikan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada penduduk tempatan. Syarikat milik Marzuq, iaitu Amann Shipping Group Sdn. Bhd. (Amann Shipping) telah ditubuhkan pada bulan Julai 2014 untuk membantu dalam membangunkan industri perkapalan di Negara Brunei Darussalam juga bertindak sebagai platform untuk meningkatkan aktiviti import dan eksport di negara ini. Sehubungan itu, anak syarikat yang diberi nama Amann Shipping Container Line Sdn. Bhd. (ASCL) telah ditubuhkan pada bulan Disember 2014.

Dengan penubuhan syarikat perkapalan

nasional ini, diharap kos pengangkutan dan logistik di negara ini akan dapat dikurangkan bagi mewujudkan industri logistik yang lebih berdaya saing yang akan menggalakkan pembangunan perniagaan tempatan dan menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing. Adalah juga diharapkan syarikat-syarikat logistik tempatan akan berkerjasama dengan mengurangkan kos di pihak masing-masing, bagi memenuhi kehendak pelanggan mereka, di samping membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan masing-masing. Ini boleh dicapai dengan menyediakan penyelesaian logistik yang berbeza, menawarkan perkhidmatan nilai tambah dan meningkatkan kecekapan dalaman operasi mereka.

Amann Shipping juga dijangka menawarkan rangkaian yang lebih baik dan jadual pelayaran tetap yang lebih kerap di antara Muara dan pelabuhan lain di

rantau ini. Penubuhan Amann Shipping serta langkah-langkah lain yang diambil oleh pihak kerajaan di bawah inisiatif Memudahcara Perniagaan juga akan memberikan manfaat pada perniagaan tempatan, syarikat-syarikat pelabur asing juga para Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS). Ini juga akan meningkatkan aktiviti perdagangan dalam kalangan negara-negara ASEAN. Rancangan untuk memperbesarkan kawasan pelabuhan di Terminal Kontena Muara dan pengurangan caj pelabuhan baru-baru ini juga akan dapat menyediakan iklim perniagaan yang lebih kondusif kepada para pelabur asing dan menggalakkan mereka untuk membuat pelaburan di negara ini. Dengan *connectivity* yang lebih baik, kecekapan perkhidmatan dan kos logistik dan pengangkutan yang lebih kompetitif, sekali gus akan dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan di negara ini.

Syarikat perkapalan yang baharu ini juga dijangka meningkatkan bidang perindustrian dan perniagaan, di samping menggiatkan lagi aktiviti import serta eksport di Pelabuhan Muara. Industri logistik dan perkhidmatan tempatan seperti termasuk pengutipan, penyimpanan, pengendalian, penghantaran serta pengangkutan juga akan mendapat keuntungan dari inisiatif ini. Ini akan dapat membangun Pelabuhan Muara sebagai hab serantau bagi pengangkutan maritim pada masa akan datang.

ASCL kini mempunyai lapan pekerja tempatan termasuk dua eksekutif dan empat kakitangan pengurusan. Pada masa akan datang, syarikat mempunyai perancangan bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan selaras dengan perkembangan syarikat pada tahun-tahun akan datang dengan peranan yang lebih aktif dalam industri maritim serantau.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai syarikat dan perkhidmatan yang ditawarkan, awda boleh melayari laman sesawang mereka di www.amannshipping.com atau menghubungi : Pengurus Besar, Mr. Lorne Lei melalui e-mel lorne.lei@amannshipping.com atau Timbalan Pengurus Besar, Awang Haji Khairul Jalil, melalui e-mel khairul-jalil@amannshipping.com.



RANCANGAN untuk memperbesarkan kawasan pelabuhan di Terminal Kontena Muara dan pengurangan caj pelabuhan baru-baru ini juga akan dapat menyediakan iklim perniagaan yang lebih kondusif kepada para pelabur asing dan menggalakkan mereka untuk membuat pelaburan di negara ini.

19 profesi kesihatan akan dikawal selia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Sebanyak 19 profesi kesihatan dari pelbagai bidang akan dikawal selia dalam Perintah Profesi Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam 2017 yang bermula pada 1 Julai lalu dengan tujuan untuk menjaga kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan orang awam.

Ketika ditemu bual Juru X-Ray Kanan selaku Pengerusi Majlis Profesi Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Hashliena Wati binti Haji Mohd. Salleh, menjelaskan pelaksanaan perintah itu akan menaik taraf profesi kesihatan bersekutu di negara ini setara dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan keselamatan pesakit dan tahap penjagaan kesihatan yang

tinggi.

"Mereka yang terlibat mestilah mendaftar bermula 1 November ini dan akan diberikan sijil pengesahan serta lesen tahunan sebagai bukti mereka telah diberi kelayakan untuk menjalankan tugas mereka di dalam bidang yang berkaitan," tegasnya.

Beliau seterusnya mengatakan 19 profesi kesihatan dari pelbagai bidang yang akan dikawal selia dalam Perintah tersebut ialah profesi dalam bidang Audiologi; Klinikal Psikologi atau Psikologi; Makmal Klinikal Sains atau Makmal Saintifik; Dietetik; Promosi Kesihatan; Prostetik dan Teknologi Maksilofasial; Kebajikan Perubatan; Pemakanan; Pemulihan Cara Kerja; Optometri atau Optisiantri; Ortopetik; Paramedik; Fisioterapi atau

Pemulihan Anggota; Podiatri; Prostetik dan Ortotik; Kesihatan Awam; Diagnostik Radiografi atau Terapeutik Radiografi; Pemulihan Pertuturan dan Bahasa atau Patologi Pertuturan dan Teaching of Hearing Impairment.

Pegawai Podiatri, Dr. Norafizah binti Haji Zaine turut menyentuh mengenai terdapat empat jenis pendaftaran, iaitu pendaftaran Penuh; Terhad; Bersyarat dan Sementara.

"Majlis Profesi Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam akan menentukan jenis pendaftaran mengikut status pemohon berdasarkan kelayakan dan latihan serta pengalaman dan kelayakan yang berkaitan," katanya.

Menurutnya, perintah berkenaan juga memastikan para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar adalah kompeten dan cekap dalam melaksanakan bidang tugas masing-masing.

"Penguatkuasaan perintah itu diselenggarakan dengan penubuhan badan berkanun, iaitu Majlis Profesi Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan mengawal selia profesionalisme para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar di negara ini," ujarnya lagi.

Peranan-peranan utama badan berkanun ini adalah untuk melindungi orang ramai melalui pendaftaran dan pengeluaran sijil amalan (*practicing certificate*) untuk para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar; penetapan piawaian; perilaku serta latihan juga mengekalkan pendaftaran para Profesional Kesihatan Bersekutu.

Para profesi tersebut perlu mendaftar dengan badan berkanun bagi meneruskan atau memulakan bidang tugas yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam

dalam tahun pertama perintah dikuatkuasakan.

Beberapa siri taklimat telah pun dilaksanakan pada awal tahun ini.

Para Profesional Kesihatan Bersekutu yang belum diperkenalkan pada perintah itu, khususnya yang bertugas di sektor bukan kerajaan atau sektor swasta di negara ini, akan diberi peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan idea serta mengongsikan maklum balas sesama para peserta yang terlibat pada sesi taklimat yang akan diadakan pada 30 September 2017, Sabtu, jam 2.00 petang di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Kementerian Kesihatan melalui talian +673 2381640 sambungan 6139 atau melalui e-mel ahp.council@moh.gov.bn.

UNISSA komited mengembangkan Islam di Kepulauan Borneo



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) semasa hadir pada Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-10 (KAIB X) yang diadakan di Universiti Mulawarman (UNMUL), Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia.

KALIMANTAN TIMUR, INDONESIA, Isnin, 25 September. - Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-10 (KAIB X) menjadi platform

wacana ilmiah dalam usaha mengembangkan dan membangun penyelidikan Islam di Kepulauan Borneo.

KAIB Ke-10 kali ini diadakan di Universiti Mulawarman (UNMUL), Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia, berlangsung pada 25 hingga 26 September 2017.

Seramai lima tenaga akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal komited dalam mengongsikan hasil

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

kajian dan penyelidikan dalam persidangan tersebut yang mengetengahkan tema 'Tamadun Islam di Kepulauan Borneo : Impak Terhadap Pembangunan Ummah Wasatiyyah'.

Rektor UNISSA selaku Pembentang Ucaptama dalam kertas kerjanya bertajuk 'Pengalaman Negara Brunei Darussalam Dalam Membangun Islam Wasatiyyah' mengongsikan bagaimana Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berusaha memartabatkan Islam sebagai cara hidup lengkap dalam bernegara, bermasyarakat dan beragama.

Dr. Awang Haji Norarfan menjelaskan, perkembangan itu dapat dilihat dari pembangunan pelbagai aspek merangkumi pendidikan, perundangan, pentadbiran dan sebagainya.

Rektor UNISSA juga menerangkan bahawa Kerajaan Negara Brunei Darussalam

mengutamakan aspek keberkatan dalam usaha membangun masyarakat dan negara.

KAIB merupakan persidangan tahunan yang diterajui Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sarawak dengan kerjasama UiTM, Sabah; UNISSA, Brunei Darussalam; Universitas Mulawarman, Samarinda; Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin; Institut Agama Islam Negeri Pontianak; dan Kolej Universiti Perguruan Islam Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam.

Sebanyak 111 kertas kerja termasuk sembilan kertas utama dibentangkan dan turut membentang selaku pembentang utama dalam persidangan ini ialah Gabenor Kalimantan Timur dan Menteri Muda Utiliti Sarawak.

Persidangan ini mendapat sambutan daripada cendekiawan dan ulama rantau ini dalam usaha menggerakkan dakwah dan membongkar rahsia perkembangan dan tamadun Islam di Kepulauan Borneo.



LENZA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

1.'Saya Suka Membaca Pelita Brunei'. - Tarikh Tutup 30 September 2017
2.'Perarakan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta'. - Tarikh Tutup 14 Oktober 2017
3.'Majlis Perkahwinan Melayu Brunei'. - Tarikh Tutup 4 November 2017
TAJUK-TAJUK HENDAKLAH DIHANTAR SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI





REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan (tengah) semasa bergambar ramai pada KAIB Ke-10.

Sukan

INFO SUKAN

SUKAN Para ASEAN Ke-9, 2017 di Kuala Lumpur yang bermula dari 17 - 23 September yang lalu menyaksikan Negara Brunei Darussalam menduduki tangga kelapan daripada 11 negara yang bertanding dengan berjaya memperoleh pungutan pingat 2 emas, 6 perak dan 6 gangsa dari tiga acara, iaitu Para Athletics, Tenpin Bowling dan Para Cycling.



ePaper Pelita Brunei

Piala Suzuki AFF 2018, Brunei menentang Timor Leste



GAMBAR hiasan ... antara perlawanan menarik pada edisi Piala Suzuki Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) yang lepas (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Pasukan Brunei akan menentang Timor

Leste tahun depan bagi kelayakan Piala Suzuki Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2018.

Menurut laman sesawang AFF, sepuluh pasukan akan dibahagikan kepada dua bahagian yang akan

bermain di tempat sendiri dan tempat lawan bergantung pada hasil undian rasmi, tidak seperti

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam

perlawanan terdahulu.

Selaras dengan kedudukan terbaharu selepas Piala Suzuki AFF 2016, Timor Leste dan Brunei perlu bermain dalam kelayakan yang juga akan diadakan di tempat sendiri dan tempat lawan.

Dua perlawanan tahun 2018 akan diadakan pada 3 hingga 11 September, iaitu minggu kalendar FIFA.

Pemenang akan menyertai baki sembilan pasukan untuk membuat dua kumpulan dari lima pasukan.

Format baharu itu diumumkan Sabtu lepas berikutan Mesyuarat Majlis AFF Ke-12 yang diadakan di Bali.

Australia tidak mengambil bahagian dalam Piala AFF Suzuki 2018 yang akan beraksi dari 8 November hingga 15 Disember.

Kursus Pembimbing Penjaga Gol AFC

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 September. - Jurulatih Penjaga Gol Pasukan Kebangsaan, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Abdul Rahman menjadi anak tempatan pertama untuk menghadiri Kursus Pembimbing Penjaga Gol Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFC).

Menurut Siaran Akhbar Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam, kursus tersebut diadakan 12 hingga 15 September lalu di Kuala Lumpur, di mana seramai 55 Jurulatih Penjaga Gol dan tutor dari seluruh Asia mengambil bahagian.

Menurut laman sesawang AFC, objektif utama kursus adalah untuk memberi peluang pendidikan lebih lanjut kepada tutor dan Jurulatih Penjaga Gol, menonjolkan trend dalam penjaga gol yang bertepatan dengan garis pandu program pendidikan Jurulatih AFC.

Di samping, ia juga berfungsi sebagai konvensyen untuk

membincangkan perkembangan bola sepak dan bertukar idea mengenai latihan jurulatih.

Kursus empat hari tersebut meliputi pelbagai topik, antara lain mengenal pasti trend moden penjaga gol, amalan dan prinsip terkini. Sesi praktikal juga diadakan setiap pagi untuk menguji apa yang mereka pelajari dalam teori, diikuti dengan bengkel yang bertujuan untuk melengkapkan tutor dan jurulatih dengan kecekapan teras penjaga gawang.

Kursus tersebut dijalankan oleh Pengarah Teknikal AFC Andy Roxburg, bersama Penasihat Penjaga Gol FIFA & UEFA, Patrick Joseph Bonner serta Timbalan Pengarah Teknikal AFC & Ketua Pengajar Jurulatih, Wim Koevers dan Pengajar Kiper FIFA, Jose Marcelino Z. Carpio.

Pemegang Lesen Pelatih AFC 'C' dan Lesen Penjaga Gol AFC Level 1, Pengiran Haji Hamzah telah berkhidmat sebagai Jurulatih



KURSUS Pembimbing Penjaga Gol Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFC) yang diadakan dari 12 hingga 15 September yang lalu di Kuala Lumpur dihadiri oleh seramai 55 Jurulatih Penjaga Gol dan tutor dari seluruh Asia.

Penjaga Gol di beberapa kejohanan antarabangsa - Sukan SEA 2017 yang terakhir di Kuala Lumpur.

Beliau juga merupakan Jurulatih Penjaga Gol Pasukan Kebangsaan untuk Piala Dunia 2018 pusingan awal kelayakan pada tahun 2015 (bermain

menentang Chinese Taipei dalam format di tempat sendiri dan lawan); pusingan kelayakan Piala Suzuki 2016 ASEAN Football Federation (AFF) di Kemboja; 2016 Piala Perpaduan AFC di Kuching, Sarawak dan kelayakan AFC Bawah-23 2018 di Yangon, Myanmar pada bulan

Julai.

Dengan pengalamannya, Pengiran Haji Hamzah bersemangat untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan beliau terutama yang diperolehnya dari kursus berkenaan bersama para generasi kini dan akan datang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PENGARUH IBU BAPA TENTUKAN CORAK KEPERIBADIAN ANAK-ANAK

دربیتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.